

Angka giliran : _____

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Kursus Semasa Cuti Panjang
Sidang Akademik 1998/99

April 1999

JKE 317 - Perdagangan Antarabangsa

Masa: [3 jam]

ARAHAN KEPADA CALON

- Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi LIMA BELAS muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.
- Jawab SEMUA soalan.
- Jawab Bahagian A dalam kertas OMR. Bagi jawapan Bahagian B pula tuliskan jawapan anda di dalam ruang kosong yang disediakan.
- Serahkan keseluruhan kertas soalan ini serta kertas jawapan OMR kepada Ketua Pengawas.
- Mesin hitung elektronik tak berprogram boleh digunakan untuk peperiksaan ini.

ARAHAN KEPADA PENGAWAS

- Kumpulkan kertas soalan dan jawapan serta borang OMR daripada semua calon.
 - Tindakan disiplin akan diambil bagi mereka yang tidak mematuhi arahan ini.
-

...2/-

BAHAGIAN A (45 markah)1. Pernyataan manakah yang **benar**?

Kedua-dua negara masih memperoleh faedah daripada perdagangan jika:

- A. kedua-dua negara mempunyai cita rasa yang sama.
- B. kedua-dua negara mempunyai keupayaan pengeluaran yang sama.
- C. kedua-dua negara mempunyai harga relatif yang sama sebelum perdagangan.
- D. kedua-dua negara mempunyai cita rasa dan keupayaan pengeluaran yang sama.
- E. A dan B.

2. Pernyataan manakah yang **benar** jika perdagangan berlaku?

- A. Sebuah ekonomi yang menghadapi pengeluaran kos lepas konstan akan mengkhusus dengan sepenuhnya dalam pengeluaran komoditi eksportnya.
- B. Sebuah ekonomi yang menghadapi pengeluaran kos lepas semakin meningkat akan mengkhusus dengan sepenuhnya dalam pengeluaran komoditi eksportnya.
- C. Faedah perdagangan adalah lebih tinggi bagi negara yang menghadapi pengeluaran kos lepas semakin meningkat dibandingkan dengan negara yang menghadapi pengeluaran kos lepas konstan.
- D. A dan C.
- E. A, B dan C.

3. Syarat manakah yang **tidak benar** bagi keseimbangan penggunaan dan pengeluaran sama ada sebelum atau selepas perdagangan?

- A. Keseimbangan penggunaan dan pengeluaran berlaku pada titik yang sama dalam keadaan autarki.
- B. Keseimbangan penggunaan selepas perdagangan berlaku pada titik sentuh antara garis harga dunia dengan keluk puas sama masyarakat.
- C. Keseimbangan pengeluaran selepas perdagangan berlaku pada titik sentuh antara garis harga dunia dengan keluk transformasi pengeluaran.
- D. Pengeluar dan pengguna akan menghadapi garis harga dunia yang berbeza selepas perdagangan.
- E. Pengeluar dan pengguna akan menghadapi garis harga dunia yang sama selepas perdagangan.

4. Andaikan kes dunia dua negara besar, A dan B. Pernyataan yang manakah yang **tidak benar** jika cita rasa Negara B berubah kepada lebih gemarkan komoditi importnya (X) sahaja.
- A. Negara A akan mengalami kejatuhan syarat niaga.
 - B. Jumlah import Negara A dari Negara B akan jatuh tetapi import Negara B dari Negara A akan meningkat.
 - C. Jumlah dagangan dunia keseluruhan akan meningkat.
 - D. Negara B akan mengalami peningkatan ekport dan import.
 - E. A dan B.
5. Negara A dikatakan negara kaya modal dibandingkan dengan Negara B jika:
- A. w/r Negara A lebih tinggi
 - B. nisbah jumlah modal kepada jumlah buruh Negara A lebih tinggi
 - C. w/r Negara A lebih rendah
 - D. nisbah jumlah buruh kepada jumlah modal Negara B lebih rendah
 - E. A dan B.
6. Katakan Malaysia adalah negara kaya buruh dan Singapura negara kaya modal. Mengikut Model Heckscher-Ohlin:
- A. Kesatuan sekerja Malaysia harus menyokong dasar perdagangan bebas dengan Singapura.
 - B. Kesatuan sekerja Malaysia tidak harus menyokong dasar perdagangan bebas dengan Singapura.
 - C. Kesatuan sekerja Singapura harus menyokong dasar perdagangan bebas dengan Malaysia.
 - D. Kedua-dua Malaysia dan Singapura harus menyokong dasar perdagangan bebas apabila berdagang sesama mereka.
 - E. B dan C.
7. Pernyataan manakah yang **tidak benar** mengenai keadaan faktor intensiti terbalik?
- A. Andaian teknologi pengeluaran yang sama antara dua negara yang berdagang dilonggarkan.
 - B. Bercanggah dengan teori Heckscher-Ohlin-Samuelson.
 - C. Memburukkan lagi perbezaan harga relatif faktor.
 - D. Mengurangkan perbezaan dalam faktor intensiti.
 - E. Jika tertakluk kepada hukum Heckscher-Ohlin, perdagangan tidak akan berlaku.


8. Mengikuti teorema penyamaan harga faktor (teorema Heckscher-Ohlin-Samuelson), jika negara B yang kaya buruh dan negara A yang kaya modal berdagang:
- A. upah(w) dan sewa(r) di negara A akan jatuh.
 - B. w dan r di negara A akan meningkat.
 - C. w akan jatuh dan r akan meningkat di negara A.
 - D. w akan meningkat dan r akan jatuh di negara A.
 - E. w dan r di negara B akan meningkat.
9. Teorema Rybczynski membuktikan bahwa pertumbuhan yang disebabkan oleh peningkatan jumlah modal sebanyak dua kali dalam keadaan harga relatif komoditi yang tetap akan menyebabkan:
- A. output intensif buruh jatuh.
 - B. output intensif modal meningkat dua kali.
 - C. kesan pengeluaran yang anti-dagangan jika negara tersebut adalah kaya buruh.
 - D. kesan penggunaan yang pro-dagangan jika negara tersebut adalah kaya modal.
 - E. A dan C.
10. Katakan sebuah negara kecil yang kaya buruh telah mengalami pertumbuhan hasil daripada peningkatan faktor modal dalam ekonomi. Pernyataan manakah **benar** bagi kesan pertumbuhan tersebut?
- A. Negara tersebut sudah pasti akan mengalami kesan pengeluaran yang pro-dagangan.
 - B. Negara tersebut sudah pasti akan mengalami kesan kebajikan yang positif.
 - C. Negara tersebut sudah pasti akan mengalami kesan penggunaan yang anti-dagangan.
 - D. Negara tersebut tidak akan mengalami kesan syarat niaga.
 - E. B dan D.
11. Negara A merupakan sebuah negara kecil yang kaya modal. Negara tersebut:
- A. akan mengalami kesan kebajikan yang sama dengan kesan kekayaannya.
 - B. akan mengalami kesan kekayaan positif yang lebih daripada kesan syarat niaga yang negatif apabila ia mengalami pertumbuhan faktor modal.
 - C. akan sentiasa mengalami peningkatan kebajikan yang positif hasil daripada kesemua jenis pertumbuhan.
 - D. akan mengalami kesan kekayaan positif apabila ia mengalami pertumbuhan hasil daripada kemajuan teknologi.
 - E. A dan D.

12. Yang manakah pernyataan yang **tidak benar** mengenai sebuah negara kecil?
- A. Tidak dapat mempengaruhi harga dunia jika ia berdagang.
 - B. Menghadapi keluk penawaran komoditi import yang anjal sempurna pada harga dunia.
 - C. Penggunanya terpaksa membayar pada harga P_m , jika harga dunia ialah P_w , kadar tarif ialah t dan P_m ialah $P_w + t$.
 - D. Polisi tarif import sentiasa lebih berkesan dibandingkan dengan polisi kuota dalam mengawal jumlah import.
 - E. Perdagangan tak bebas sentiasa merugikan.
13. Tarif yang dikenakan ke atas sebuah negara kecil:
- A. akan meningkatkan kebajikan negara tersebut.
 - B. akan mengurangkan kebajikan negara tersebut.
 - C. tidak akan memberi kesan terhadap kebajikan negara tersebut sebab negara kecil tidak dapat mempengaruhi harga dunia.
 - D. mungkin akan mengurangkan atau meningkatkan kebajikan negara tersebut bergantung kepada keanjalan keluk permintaan dan penawarannya.
 - E. tiada jawapan yang tepat.
14. Mengikut teorem Stolper-Samuelson, tarif terhadap import X yang dikeluarkan dengan intensifkan buruh akan:
- A. menyebabkan peningkatan dalam pulangan benar buruh.
 - B. menyebabkan peningkatan dalam pulangan benar modal.
 - C. menyebabkan peningkatan harga relatif barangan X di pasaran domestik.
 - D. menyebabkan peningkatan dalam permintaan buruh di pasaran domestik.
 - E. A,C dan D.
15. Pernyataan manakah yang **tidak benar** bagi kesan tarif kes negara besar?
- A. Tarif import sentiasa merugikan negara besar.
 - B. Tarif import ke atas barangan X sentiasa merugikan pengeksporth X ke negara besar.
 - C. Tarif import ke atas barangan X sentiasa merugikan pengimport X dari negara besar.
 - D. Tarif import ke atas barangan X sentiasa merugikan pengguna X dari negara besar.
 - E. Tarif import ke atas barangan X sentiasa merugikan pengeluar X dari negara besar.

16. Bagi kes negara kecil, polisi manakah akan menyebabkan pengeluaran domestik meningkat?

- A. subsidi penggunaan.
- B. tarif inport.
- C. subsidi eksport.
- D. cukai penggunaan.
- E. B dan C.

Soalan 17-19



17. Kesan tarif import pada kadar t setiap unit dan kuota setinggi AB pasti akan memberi kesan yang sama terhadap (kecuali):

- A. lebihan pengguna
- B. lebihan pengeluar
- C. kebajikan masyarakat
- D. hasil yang dikutip oleh kerajaan.
- E. C dan D.

18. Merujuk kepada rajah di atas, pernyataan manakah yang **tidak benar**?

- A. Harga domestik akan meningkat pada kadar yang sama jika tarif import sebanyak t dikenakan pada setiap unit barangan import atau kuota sebanyak AB dikenakan.
- B. Kesan tarif import (t) dan kuota import (AB) adalah sama terhadap kebajikan masyarakat.
- C. Kesan tarif import (t) dan kuota import (AB) adalah sama terhadap penggunaan apabila permintaan domestik meningkat dari $D1$ ke $D2$.
- D. Tiada jawapan yang tepat.
- E. A, B dan C.


..

7/-

19. Apabila permintaan domestik meningkat dari D1 ke D2, di bawah tarif import (t) dan kuota import (AB):

- A. jumlah pengeluaran dan penggunaan domestik akan berubah pada jumlah sama.
- B. jumlah pengeluaran di bawah kuota import akan meningkat lebih.
- C. jumlah penggunaan di bawah kuota import akan meningkat lebih.
- D. harga domestik akan meningkat lebih di bawah kuota import.
- E. B dan D.

Bagi menjawab soalan 20-22, sila rujuk kepada rajah di bawah.



20. Merujuk pada rajah di atas polisi perdagangan manakah yang akan menyebabkan harga yang dihadapi pasaran domestik meningkat dari Pw(harga dunia) ke Pd?

- A. Subsidi eksport.
- B. Cukai eksport.
- C. Cukai pengeluaran.
- D. Tarif import.
- E. Kuota import.

21. Hasil daripada polisi dalam soalan 20, kehilangan bersih yang terpaksa ditanggung diwakili oleh kawasan:

- A. 1 + 2 + 4.
- B. 2 + 6.
- C. 3 + 5.
- D. 1 + 2.
- E. 4.

..8/-


22. Jika dibandingkan antara keadaan autarki dengan perdagangan bebas, selepas perdagangan lebih pengguna akan jatuh sebanyak kawasan:
- A. 1 + 2.
 - B. 1 + 2 + 8 + 9 + 10.
 - C. 1 + 2 + 3 + 4 + 5.
 - D. 8 + 9 + 10.
 - E. 7 + 8 + 9 + 10.
23. Pengubahsuaian pasaran domestik disebabkan penganjakan keluk permintaan atau penawaran bagi komoditi yang diimport akan memberi kesan ke atas:
- A. harga domestik di bawah polisi kuota import.
 - B. harga domestik dan kuantiti import di bawah polisi kuota import.
 - C. harga domestik di bawah polisi tarif import.
 - D. harga domestik dan kuantiti import di bawah polisi tarif import.
 - E. A dan C.
24. Pernyataan manakah **benar** jika kita bandingkan kesan polisi subsidi pengeluaran dan tarif import bagi pasaran komoditi yang diimport?
- A. Adalah lebih merugikan pengguna jika kerajaan mengenakan tarif import dibandingkan dengan subsidi pengeluaran bagi mengawal jumlah import.
 - B. Jika objektif kerajaan adalah untuk mengawal jumlah import, polisi tarif import adalah lebih cekap.
 - C. Polisi subsidi pengeluaran akan meningkatkan jumlah keluaran dan tidak akan memberi kesan ke atas jumlah import.
 - D. Polisi subsidi pengeluaran akan meningkatkan jumlah keluaran dan tidak akan memberi kesan ke atas jumlah penggunaan.
 - E. A, B dan D.
25. Ciri-ciri manakah yang **kurang tepat** menerangkan jenis-jenis integrasi ekonomi yang utama.
- A. Kesatuan Kastam: Tarif antara ahli dihapuskan, dan kadar tarif ke atas negara bukan ahli adalah sama dikalangan negara-negara ahli.
 - B. Kawasan Perdagangan Bebas: Tarif antara ahli dihapuskan, tetapi kadar tarif ke atas negara bukan ahli adalah berbeza dikalangan ahli.
 - C. Perjanjian Perdagangan Preferential: Kadar tarif dikalangan ahli dikurangkan.
 - D. Pasaran Bersama: Sama dengan kesatuan kastam, tetapi aliran faktor pengeluaran antara ahli adalah bebas, serta dasar kewangan, dasar fiskal, dasar sosial dan dasar perindustrian ahli-ahli kesatuan ini tidak bertentangan antara satu dengan lain.

E. Kesatuan Ekonomi: Sama dengan kesatuan kastam, tetapi aliran faktor pengeluaran antara ahli adalah bebas, serta dasar kewangan, dasar fiskal, dasar sosial dan dasar perindustrian ahli-ahli kesatuan ini tidak bertentangan antara satu dengan lain. Ada juga persefahaman ke arah penubuhan matawang yang sama dan dasar pengangkutan yang sama.

26. Ciptaan dagangan di bawah kesatuan kastam bermaksud:

- A. import kos rendah di luar kesatuan digantikan dengan import kos tinggi daripada kesatuan.
- B. sebahagian daripada pengeluaran domestik dalam kesatuan digantikan dengan import kos rendah daripada ahli yang lain dalam kesatuan.
- C. perdagangan dikalangan ahli meningkat dan perdagangan dengan bukan ahli akan berkurangan.
- D. perdagangan dikalangan ahli berkurangan dan perdagangan dengan bukan ahli akan meningkat.
- E. A dan B.

Soalan 27-30



Rajah di atas menunjukkan pasaran barangan X di Negara A. S_w dan S_b adalah keluk penawaran dunia dan keluk penawaran Negara B yang dihadapi oleh Negara A. T adalah kadar tarif yang dikenakan ke atas import barangan X.

..10/-

27. Tanpa penubuhan kesatuan kastam, jika Negara A memilih untuk hendak berdagang dengan tarif setinggi kadar T , Negara A akan mengimport sebanyak:
- A. ab barangan X dan mengalami kehilangan bersih sebanyak kawasan $acd + bef$.
 - B. ab barangan X dan sama ada ia mengalami kehilangan atau faedah bersih adalah bergantung pada kawasan $djke - (acd + bef)$.
 - C. cf barangan X dan mengalami kehilangan bersih sebanyak kawasan $cgh + fmn$.
 - D. cf barangan X dan mengalami kehilangan bersih sebanyak kawasan $agj + bkn$.
 - E. ab barangan X dan mengalami kehilangan bersih sebanyak kawasan $agj + bkn$.
28. Pernyataan manakah adalah **benar** selepas Negara A dan Negara B menubuhkan kesatuan kastam.
- A. Negara A akan memperoleh faedah daripada kesatuan kastam jika kawasan $djke - (acd + bef)$ adalah positif.
 - B. Negara A akan memperoleh faedah daripada kesatuan kastam jika kawasan $(acd + bef) - djke$ adalah positif.
 - C. Negara B akan memperoleh faedah daripada kesatuan kastam jika kawasan $djke - (acd + bef)$ adalah positif.
 - D. Negara B akan memperoleh faedah daripada kesatuan kastam jika kawasan $(acd + bef) - djke$ adalah positif.
 - E. Negara A akan memperoleh faedah daripada kesatuan kastam jika kawasan $chfm - (acd + bef)$ adalah positif.
29. Jika Negara A dan Negara B menubuhkan kesatuan kastam, Negara A **tidak dapat** mengalami sebarang kesan ciptaan dagangan kalau,
- A. kawasan faedah daripada penubuhan kesatuan kastam $(acd + bef)$ sama dengan kawasan kerugian daripada penubuhan kesatuan kastam $(djke)$.
 - B. kawasan faedah daripada penubuhan kesatuan kastam $(acd + bef)$ kurang daripada kawasan kerugian daripada penubuhan kesatuan kastam $(djke)$.
 - C. kawasan faedah daripada penubuhan kesatuan kastam $(acd + bef)$ lebih daripada kawasan kerugian daripada penubuhan kesatuan kastam $(djke)$.
 - D. keluk penawaran dari Negara B iaitu S_b berganjak ke atas menjadi sama dengan penawaran dunia $S_w + T$.
 - E. keluk penawaran dari Negara B iaitu S_b berganjak ke bawah menjadi sama dengan penawaran dunia S_w .

30. Jika Negara A dan Negara B menubuhkan kesatuan kastam, Negara A menikmati faedah yang maksimum kalau,
- A. kawasan faedah daripada penubuhan kesatuan kastam ($acd + bef$) adalah sama dengan kawasan kerugian daripada penubuhan kesatuan kastam ($djke$).
 - B. keluk penawaran dari Negara B iaitu S_b berganjak ke bawah menjadi sama dengan dengan penawaran dunia S_w .
 - C. kawasan faedah daripada penubuhan kesatuan kastam ($acd + bef$) adalah lebih daripada kawasan kerugian daripada penubuhan kesatuan kastam ($djke$).
 - D. kawasan faedah daripada penubuhan kesatuan kastam ($acd + bef$) adalah kurang daripada kawasan kerugian daripada penubuhan kesatuan kastam ($djke$).
 - E. keluk penawaran dari Negara B iaitu S_b berganjak ke atas menjadi sama dengan dengan penawaran dunia S_{w+T} .

BAHAGIAN B (55 markah)

1. Apakah yang dimaksudkan dengan intensiti faktor terbalik? Jika intensiti faktor terbalik berlaku, secara teorinya, teorem Heckscher-Ohlin dan Heckscher-Ohlin-Samuelson adalah tidak benar. Bincangkan. (15 markah)

Angka giliran: _____


- 12 -

[JKE 317]

Ruang untuk jawapan soalan 1.

..13/-

2. Rajah di bawah menunjukkan pasaran beras di sebuah negara kecil. Pengeluar domestik telah diberikan subsidi pengeluaran pada kadar wb/unit.



- (i) Wujudkah kesan penggunaan kerana pemberian subsidi ini? Terangkan.
(4 markah)

- (ii) Adakah pemberian subsidi ini mempengaruhi perdagangan negara ini? Terangkan.
(4 markah)

- (iii) Apakah kesan-kesannya jika subsidi ini dihapuskan? Terangkan.
(4 markah)

- (iv) Di dalam rajah yang sama tandakan kadar tarif import yang harus dikenakan supaya ia memberi kesan ke atas jumlah import yang sama dengan kesan daripada subsidi pengeluaran sebanyak wb/unit.
(3 markah)

- (v) Polisi manakah didapati lebih cekap jika objektif kerajaan ialah untuk mengawal jumlah import beras? Bincangkan. (5 markah)

3 (f) Jelaskan maksud kadar perlindungan tarif berkesan. (5 markah)

- (ii) Kadar perlindungan tarif berkesan (e) boleh dihitung berdasarkan persamaan yang berikut:

$$e = [t - a.t_i] \div [1 - a]$$

t ialah kadar tarif terhadap barangan akhir

t_i ialah kadar tarif terhadap input pertengahan

a ialah nisbah kos input pertengahan kepada kos barangan akhir tanpa tarif

Berasaskan maklumat dalam jadual di bawah, barangan manakah akan harus anda keluarkan sekiranya anda ingin ceburkan diri dalam pengeluaran barangan. Jelaskan. (5 markah)

Barangan	t	t_i	a
kain batik	50%	60%	0.2
kasut	20%	20%	0.8
ubat	40%	30%	0.5

4. Apakah perbezaan antara:

(a) Faktor intensiti dan kekayaan faktor.

(5 markah)

(b) Ciptaan dan alihan dagangan dalam penubuhan kesatuan kastam.

(5 markah)

